# Latihan Pengukuhan

**Bahagian A: Soalan Objektif**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih* **satu** *jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan.*

1 Antara berikut, yang manakah negara yang tidak melalui evolusi binaan terhadap reka bentuk seni bina di Tanah Melayu?
- A China
- B Korea
- C Eropah
- D Tanah Melayu

2 Apakah motif yang paling ketara terdapat di dalam seni ukiran hiasan pada seni bina rumah Melayu tradisional?

KBAT Menganalisis

- A Organik
- B Motif flora
- C Motif fauna
- D Geometrikal

3 Antara berikut, yang manakah rumah Melayu tradisional yang mempunyai serambi terbuka dan tangga batu yang dihiasi jubin bermotifkan flora pada bahagian hadapan rumah tersebut?
- A Rumah Bujang
- B Rumah Berpeleh
- C Rumah Serambi Melaka
- D Rumah Panjang Sarawak

4 Apakah bentuk simbolik yang terdapat pada pemeleh?

KBAT Menilai

- A Ular yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
- B Kucing yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
- C Bangau yang terdapat pada perahu nelayan tempatan
- D Monyet yang terdapat pada perahun nelayan tempatan

5 **Masjid paling moden di Asia Tenggara dan menjadi pencetus kepada satu standard dalam sejarah awal modenisme seni bina Malaysia**

Pernyataan di atas merujuk kepada seni bina ibadat _____

- A Masjid Kampung Laut, Kelantan
- B Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar
- C Masjid Negara, Kuala Lumpur
- D Masjid Tengkera, Melaka

6 Dari manakah datangnya pengaruh reka bentuk seni bina Masjid Ubudiah?
- A Islam-India
- B Islam-China
- C Islam-Belanda
- D Islam-Portugal

7 Tokong Sam Poh Tong merupakan tokong gua tertua di negeri Perak.
Pilih pernyataan yang **betul** berkaitan dengan ciri-ciri tokong tersebut.

KBAT Menganalisis

- I Dibina di Kampong Jambu, Kelantan
- II Mempunyai patung Buddha yang terbesar di dunia
- III Mempunyai kolam berkonsepkan Jepun di laman hadapan
- IV Di dalam gua terdapat arca-arca Buddha yang terletak di antara bongkah stalaktit dan stalagmit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Apakah elemen penting yang terdapat pada tokong dalam gambar rajah di bawah?

- A Roda Dharmacakra
- B Dewan langar
- C *Gable roof*
- D Gopuram

9 Antara berikut, yang manakah seni reka bentuk yang terdapat di Kuil Sri Mahamariamman?
- A Mempunyai menara dan kubah
- B Kuil yang berbentuk segi empat sama
- C Mempunyai menara pintu gerbang *gopuram*
- D Siling di dewan utama dihiasi corak petak berwarna-warni

10 Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di sebuah Gurdwara?

KBAT Menganalisis

- I Pelantar
- II Kolam penyu
- III Perpustakaan
- IV Dewan 'langar'

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Apakah corak ukiran istana yang tidak ditonjolkan bagi gambar rajah di bawah?

KBAT Menilai

- A Ukiran corak berulang-ulang
- B Ukiran tradisional Melayu



LIVEWORKSHEETS

C Ukiran tulisan Khat
D Ukiran motif fauna

12 Antara berikut, yang manakah istana yang menyerupai reka bentuk Minangkabau dan dibina daripada bahan kayu dengan teknik paku pasak?
A Istana Negara, Kuala Lumpur
B Istana Maziah, Kuala Terengganu
C Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan
D Istana Bukit Serene, Johor Bahru

13 Istana Iskandariah terletak di negeri Perak. Berikut merupakan pernyataan yang betul **kecuali**
A Menyerupai motif seni bina India-Islam dengan gabungan motif seni bina Asia Barat
B Gerbang pintu masuk dihiasi dengan seni cafan
C Mempunyai motif berbentuk flora dan fauna
D Kubah berbentuk payung

14 Antara berikut, yang manakah reka bentuk makam binaan berbentuk L?
A Makam Diraja Mahmoodiah
B Makam Diraja Langgar
C Makam Diraja Jugra
D Tiada di atas

15
- Bahagian utama mempunyai seni bina seperti sebuah masjid.
- Bahagian kedua mempunyai kawasan lingkaran tembok putih yang dikenali sebagi Kota Lama atau Lingkaran dalam.

Pernyataan di atas merujuk kepada seni bina _____.
A Makam Diraja Mahmoodiah
B Makam Diraja Langgar
C Makam Diraja Jugra
D Istana Iskandariah

LIVEWORKSHEETS